



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD		
TARIKH	:	22/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 29
JABATAN	:	JPNP		

JPNP tanam 2,000 pokok hutan

Di Hutan Simpan Kekal Batu Talam yang ditanam musang king secara haram

Sinar Ahad, 21 Ogos 2021_29

RAUB

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menanam 2,000 batang pokok hutan dan buah pelbagai spesies di kawasan seluas lebih 8 hektar di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam di sini yang dahulunya diceroboh untuk dijadikan kebun musang king secara haram.

Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNP, Datuk Samsu Anuar Nawi berkata, antara pokok itu ialah Meranti Temak Nipis, Merawan Siput Jantan, Beruas dan Sentul yang ditanam dengan

Laporan Sinar Harian pada 7 Julai lalu.



bantuan lebih 130 sukarelawan daripada 23 badan bukan kerajaan (NGO).

Program itu merupakan sebahagian Kempen Penanaman 5 Juta Pokok@ Pahang yang bertujuan menghijaukan semula kawasan terosot di negeri ini.

"Untuk hari ini (Sabtu), kawasan penanaman dibahagikan kepada 38 lot dengan setiap NGO akan bertindak sebagai 'ibu atau bapa angkat' kepada pokok yang ditanam dan mereka boleh kembali ke sini pada masa hadapan untuk melihat perkembangan tanaman mereka.

"Selain HSK Batu Talam, program seperti ini akan diteruskan di beberapa kawasan lain yang memerlukan proses pemulihan dan pemeliharaan seperti di Tasik Chini dan pesisir pantai di daerah

Pekan yang berdepan masalah hakisan," katanya kepada pemberita selepas program itu di sini pada Sabtu.

Lebih 70 kakitangan JPNP turut terlibat dalam program itu dengan kawasan terlibat ialah sebahagian daripada lokasi operasi membanteras penerokaan haram di HSK Batu Talam oleh JPNP dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan pada awal Julai lepas.

- Bernama

